

## INTERPRETASI LAKUAN ILOKUSI BAHASA SEARLE (1969) DALAM TEKS UCAPAN MENTERI PENDIDIKAN SEMPENA HARI GURU 2025

*Interpretation of Searle's (1969) Illocutionary Speech Acts in the Minister of Education's  
Speech Text in Conjunction with Teachers' Day 2025*

<sup>1</sup>\*SARA BEDEN

<sup>1</sup>\*IPG Kampus Tun Abdul Razak, Jalan Datuk Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan.  
\*Corresponding author: [sara.beden@ipgm.edu.my](mailto:sara.beden@ipgm.edu.my)

*Dihantar/Received: 16 February 2026 | Penambahbaikan/Revised: 7 April 2026  
Diterima/Accepted: 9 April 2026 | Terbit/Published: 30 June 2026  
DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v37i1.7381>*

**Abstrak** Lakuan bahasa merupakan tindakan sosial yang menentukan keberhasilan komunikasi dan hubungan antara individu yang sewajarnya disampaikan menerusi lakuan ilokusi yang jelas dan mudah difahami. Walau bagaimanapun, penggunaan lakuan bahasa yang kurang jelas oleh penutur dalam sesebuah wacana menyebabkan mesej tidak dapat dicakna dan dihadamkan oleh pendengar sehingga mengekang usaha untuk memahami hajat komunikatif. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkategorikan dan menganalisis Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969) dalam teks ucapan Menteri Pendidikan Malaysia sempena sambutan Hari Guru bagi tahun 2025. Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969) menggarisi lima lakuan bahasa, iaitu direktif, asertif, komisif, ekspresif dan deklaratif yang digunakan sebagai landasan kajian ini. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks dan kajian kepustakaan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kelima-lima Lakuan Bahasa Searle digunakan dengan signifikan dalam teks ucapan bagi menerbitkan kesan arahan, menzahirkan penegasan, mengekspresikan penghargaan, memberikan komitmen dan menyatakan gelaran. Dapatan juga memperlihatkan bahawa dalam satu perkara wujud lebih daripada satu lakuan ilokusi bagi memperlihatkan kepentingannya. Sementara penggunaan kata kerja dan kata bantu yang signifikan oleh Menteri Pendidikan, menjadikan ilokusi bahasa lebih berkesan agar warga pendidikan mengambil tindakan bagi mewujudkan perubahan dalam bidang pendidikan. Kesimpulannya, kajian ilokusi memberikan impak yang signifikan bagi memmanifestasikan hajat komunikatif dalam pelbagai wacana.

**Kata Kunci:** Ilokusi, direktif, asertif, ekspresif, teks ucapan



**Abstract** *Speech acts are social actions that determine the success of communication and relationships between individuals and should be conveyed through illocutionary acts that are clear and easily understood. However, the use of unclear speech acts by the speaker in a discourse may cause the message to be misunderstood and not fully processed by the listener, thereby hindering efforts to comprehend the communicative intent. Therefore, this study aims to categorize and analyze John Searle's (1969) Illocutionary Speech Acts in the text of the Malaysian Minister of Education's speech in conjunction with the 2025 Teachers' Day celebration. Searle's (1969) theory outlines five types of speech acts, namely directives, assertives, commissives, expressives, and declaratives, which serve as the theoretical framework of this study. This research adopts a qualitative approach using text analysis and library research methods. The findings indicate that all five types of Searle's speech acts are used significantly in the speech text to generate directive effects, express assertions, convey appreciation, demonstrate commitment, and assign titles. The findings also reveal that more than one illocutionary act may occur within a single instance to highlight its importance. Meanwhile, the significant use of verbs and auxiliary verbs by the Minister of Education enhances the effectiveness of illocutionary acts, encouraging members of the education community to take action in order to bring about change in the field of education. In conclusion, illocutionary studies have a significant impact in manifesting communicative intent across various discourses.*

**Keywords:** *Illocution, directive, assertive, expressive, speech text*

## PENDAHULUAN

Searle (1969) memperjelas bahawa lakuan ilokusi (LI) merupakan tindakan dalam komunikasi. Setiap ayat yang dituturkan mengandungi tindakan, seperti berjanji, berbentuk permintaan, pertanyaan, permisif dan keperluan yang selari dengan lakuan niat pengucapan (ilokusi) yang berfungsi untuk melakukan sesuatu perkara. Hal ini demikian kerana apabila seseorang melakukan pertuturan, sebenarnya individu itu telah melakukan suatu bentuk tindakan. Hanna dan Richards (2019) mendapati bahawa LI merupakan elemen penting yang menjadi agen komunikasi dalam perbualan. Kedua-dua sarjana ini berpendapat bahawa komunikasi yang efektif dalam situasi berorientasikan tugas memerlukan interaksi peringkat tinggi. Searle (1969) menyatakan bahawa “bertutur dalam sesuatu bahasa bermaksud melakukan suatu bentuk tindakan yang terikat dengan peraturan tertentu”. Hipotesis Searle (1969) ini selaras dengan matlamat asas tindak tutur, iaitu untuk menghubungkan makna dan tindakan dengan menggunakan bahasa. Khairunnisa Ahmad dan Lalu Nurul Yaqin (2025) menegaskan bahawa semasa berkomunikasi, penutur sebenarnya melakukan tindakan pertuturan seperti membuat pernyataan, memberi perintah, memberikan nasihat, menyatakan janji, atau membuat permintaan, serta mengkehendaki pendengar menafsirkan maksud yang terkandung di sebalik ujaran tersebut. Walau bagaimanapun, komunikasi pada peringkat yang lebih tinggi (Searle, 1969 dan Hanna & Richards, 2019) memerlukan pendengar melakukan tindakan sebagai akibat daripada LI yang disampaikan oleh penutur. Perkara ini selari dengan pernyataan Wijana (1996) bahawa lakuan ilokusi merupakan tindak tutur yang tidak hanya bertujuan untuk memberikan maklumat, tetapi juga bertujuan untuk mendorong lawan bicara atau pendengar untuk melakukan sesuatu.



LI membicarakan kata yang terdiri daripada kata kerja yang bermakna dan pertuturannya memperlihatkan tingkah laku yang terdiri daripada pelbagai jenis. Kata kerja yang tergolong dalam kategori ini dinamakan kata kerja performatif, sebagai contoh minta, mohon, arah, perintah (Searle, 1969, Bach & Harnish, 1979). Searle (1979), turut mengemukakan kategori LI bahasa yang dibahagikan kepada lima kategori, iaitu penegasan, arahan, komisif, ekspresif dan perisytiharan dalam memperlihatkan kriteria yang pelbagai. Bagi Searle, setiap ilokusi bahasa turut bersejajaran dengan kesopanan sama ada positif mahupun negatif bagi menyampaikan hasrat komunikasi. Oleh itu, dalam semua wacana, LI memainkan peranan penting bagi memperlihatkan fungsi komunikasi yang mematuhi aspek pragmatik.

Sehubungan dengan itu, kajian ini membincangkan LI bahasa berdasarkan teks ucapan dalam ranah pendidikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, iaitu Yang Berhormat Pn. Fadhlina Sidek (YBFS) sempena sambutan Hari Guru yang ke-54 pada 16 Mei 2025. Tema sambutan kali ini merupakan tema yang cukup signifikan dan berwawasan tinggi, iaitu “Guru Pemacu Reformasi Pendidikan”. Tema ini bukan sekadar slogan, tetapi satu penegasan tentang peranan kritikal para pendidik dalam memacu perubahan dan penambahbaikan sistem pendidikan negara. Aspirasi dan harapan YBFS terhadap warga pendidik dilunasi dalam ucapan yang disampaikan. Dalam memacu sistem pendidikan negara, Menteri Pendidikan Malaysia memainkan peranan utama bagi mengetuai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara, memperluas akses saksama, mempromosikan STEM dan TVET, serta mengurus hala tuju pendidikan termasuk kurikulum baharu dan digitalisasi, di bawah kerangka Malaysia MADANI. Beliau turut mengurus dan mengarah seluruh warga kementerian dalam mencapai visi dan misi pendidikan negara sebagai seorang pemimpin akademik tertinggi. Lerman (1985) menegaskan bahawa perutusan pemimpin negara merupakan salah satu bentuk komunikasi massa yang paling signifikan dan merupakan satu-satunya komunikasi langsung sebagai simbol kuasa politik dan autoriti dengan rakyat. Justeru, teks ucapan sempena sambutan hari guru merupakan wacana Menteri Pendidikan Malaysia kepada seluruh warga pendidik di Malaysia tanpa mengira faktor keturunan, agama, bangsa dan fahaman politik. Seseorang pemimpin perlu membawa fungsi menguasai, mengatur dan mengawasi agar tujuan kolektif tercapai serta terjaga nilai-nilai sosiobudaya masyarakat yang dipimpin. Hal ini bermakna ada interaksi dan komunikasi antara pemimpin dengan pengikutnya dalam melaksanakan proses kepimpinan.

Ucapan dan amanat Menteri Pendidikan Malaysia amat ditunggu-tunggu oleh para pendidik seluruh Malaysia pada tarikh keramat 16 Mei setiap tahun. Tugas sebagai pendidik bukanlah tugas yang mudah dan menuntut kecekalan serta semangat mendidik yang tinggi kerana guru merupakan pihak yang paling bertanggungjawab selepas ibu bapa dalam memberi didikan, pedoman dan bimbingan terhadap anak bangsa. Para pendidik perlu bersedia untuk mendukung hasrat kerajaan dalam usaha pemugaran nilai madani, melaksanakan reformasi pendidikan dan penggerak utama atau enjin yang memula dan meneruskan momentum perubahan. Justeru, Menteri Pendidikan Malaysia merupakan pemimpin yang berkelayakan untuk menyampaikan amanat dan aspirasi negara kepada para pendidik dengan menggunakan bahasa yang berupaya mempengaruhi minda agar bertindak. Idris Aman (2004) menegaskan bahawa interaksi dan komunikasi yang demikian (ucapan) sebahagian besarnya dijayakan melalui bahasa atau linguistik. Oleh itu, dalam proses kepimpinan, kepentingan bahasa memang tidak boleh dipandang remeh kerana bahasa digunakan dalam berwacana dengan




golongan subordinat. Dalam konteks teks ucapan, kewajaran menggunakan LI yang sesuai dan tepat amat dituntut agar aspirasi dan amanat yang disampaikan mudah dicerna dan dicakna oleh warga pendidikan (guru, murid dan pihak berkepentingan). LI yang digunakan oleh YBFS selaku Menteri Pendidikan Malaysia mewakili tujuan dan aspirasi terhadap kecemerlangan pendidikan negara melalui ekspresi ujarannya dalam ucapan. Paparan ekspresi ini merupakan kategori LI yang diberi penekanan dan dipilih, sekali gus memperlihatkan peranan sebagai Menteri Pendidikan Malaysia yang mewakili kerajaan bagi menyampaikan agenda dan matlamat sistem pendidikan negara. YBFS bertindak sebagai atau penutur dan warga pendidikan sebagai pendengar mahupun khalayak yang menjadi sasaran dalam wacana ini.

## SOROTAN LITERATUR

Verschuere (1977) menyatakan bahawa kajian lakuan bahasa ialah satu-satunya kajian yang memberikan jaminan untuk memahami fungsi bahasa yang sebenarnya. Selaras dengan penegasan tersebut, penemuannya terbukti melalui kajian terdahulu yang memanfaatkan pelbagai data korpus seperti ceramah motivasi, korpus mesyuarat pengurusan, korpus komunikasi guru pelatih, ceramah agama, pengajaran guru bahasa Melayu, korpus khutbah, korpus filem, korpus teks ucapan ahli politik dan bahan sastera dengan pelbagai kerangka mahupun teori dalam menzahirkan LI penutur. Walau bagaimanapun, sorotan literatur dalam kajian ini menghadkan perbincangan dengan membuat penelitian terhadap kajian LI bahasa dengan menggunakan data korpus teks ucapan (termasuk perutusan, kenyataan, titah) bagi tujuan memberikan fokus terhadap fungsi bahasa dalam ranah dan wacana ucapan, sekali gus memperlihatkan pemerksaan LI dalam menyebarkan agenda politik oleh golongan pemimpin. Kajian Dylgjeri (2017) telah mendapati bahawa wacana pengucapan ahli politik merupakan aktiviti kompleks yang menuntut penyelidikan yang kritis. Kajian tersebut telah menggabungkan Teori Austin (1962) dan Searle (1969) dalam menganalisis ucapan kemenangan Edi Rama pada pilihan raya Albania berdasarkan ilokusi bahasa dan kategorinya. Dapatan menunjukkan bahawa ucapan Edi Rama banyak menggunakan ilokusi bahasa komisif yang dapat memenangi hati dan fikiran rakyat dengan harapan yang besar dan janji untuk masa depan rakyat Albania. Dapatan juga menunjukkan watak Edi Rama bersemangat, bersikap jujur dan mendorong rakyat Albania untuk bekerja keras.

Selanjutnya, Nura Siti & Muhammad Yazid (2018) pula memperlihatkan kelainan kerana mengaplikasi Teori Lakuan Tuturan Yule (1996) dalam kajian mereka. Korpus yang dijadikan bahan kajian ialah ucapan pengukuhan Presiden Amerika Syarikat, iaitu Donald Trump. Kajian tersebut menemukan LI representatif yang dominan diikuti dengan ekspresi, direktif, komisif dan deklaratif. Dapatan memperlihatkan bahawa LI Trump bertujuan bagi pernyataan fakta dan asertif yang bermotif pemujukan kepada pendengarnya.

Sementara itu, Maisarah dan Fatin Fatinah (2020) menganalisis perutusan khas mantan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat (YAB) Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin berhubung Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenakan kepada penduduk di Malaysia pada 18 Mac 2020. Kajian ini mengaplikasi Teori Lakuan Tuturan Searle (1969) dengan berfokus pada ujaran langsung dan tak langsung. Dapatan kajian memperlihatkan kecenderungan penggunaan LI ekspresif dan direktif yang bertujuan untuk memujuk pendengar. Dapatan kajian ini didapati tidak secara *per se* membincangkan kata kerja yang digunakan untuk



mendukung fungsi ujaran yang dirujuk, sebaliknya perbincangan ini bersifat umum sesuai dengan objektif kajiannya menganalisis ujaran langsung dan tak langsung. Aminudin Saimon et al., (2021) turut menjalankan kajian ilokusi bahasa dengan menggunakan teks ucapan mantan Perdana Menteri Malaysia berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan. Dapatan menunjukkan kategori ilokusi bahasa arahan yang dinyatakan oleh Bach & Harnish (1979), iaitu permintaan, keperluan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif diaplikasikan oleh penutur. Hasil dapatan mendapati ujaran paling banyak ialah LBA keperluan, iaitu sebanyak 21 kali. Hal ini selari dengan inti pati ucapan yang sememangnya berkisar tentang keperluan menurut perintah. Kemudian, diikuti pula oleh LBA nasihat 15 kali, LBA permintaan (10), LBA larangan (7) dan bagi LBA pertanyaan dan permisif masing-masing hanya satu. Secara keseluruhannya, sebanyak 55 ilokusi bahasa arahan yang terdapat dalam teks ucapan mantan YAB PM berkaitan PKP untuk fasa pertama, kedua, ketiga dan keempat. Dapatan kajian juga mendapati ucapan mengandungi ilokusi bahasa arahan yang menunjukkan kekuasaan dan menuntut pendengar untuk melakukan tindakan seperti niat komunikatifnya.

Seterusnya, Harshita Aini Haroon et al., (2020) dalam kajian mengenai ilokusi ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018 telah menggunakan kerangka Teori Bach dan Harnish (1979). Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan keempat-empat LT, iaitu LT pengumuman, arahan, perjanjian, dan perakuan diaplikasikan oleh pengucap. LT pengumuman dan LT arahan telah digunakan secara khusus untuk mempengaruhi dan meyakinkan pendengar berkaitan hujah yang dikemukakan dalam PAU 2017 berbanding dalam PAU 2018. Kajian juga menunjukkan selepas PRU14, pengucap lebih banyak mengaplikasikan LT perjanjian dan LT perakuan. LT perjanjian dalam teks 2018 adalah sebanyak 10.3 peratus berbanding 4.5 peratus pada 2017 dan LT perakuan dalam teks 2018 adalah sebanyak 9.3 peratus berbanding 5.4 peratus pada 2017. Perubahan ini disebabkan oleh keperluan bagi Zahid Hamidi untuk menyesuaikan tutur katanya dengan senario sosiopolitik pada tahun 2018. Hal ini membuktikan bahawa senario sosiopolitik jelas mempunyai kesan terhadap jenis LT yang digunakan dalam ucapan ahli politik bagi menyampaikan mesej yang sesuai dengan keadaan semasa.

Selanjutnya, Indirawati Zahid & Muhammad Nasri Selamat (2022) telah mengkaji kenyataan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong (LHL) yang telah mengeluarkan lima kenyataan dalam bahasa Melayu dan bertujuan untuk menyampaikan mesej penjagaan keselamatan dan kesejahteraan penduduk negara Singapura dalam situasi COVID-19. Kajian telah mengaplikasikan teori lakuan ilokusi komunikatif yang diusulkan oleh Bach dan Harnish (1979) dengan berfokus pada dua kategori dan subkategorinya, iaitu arahan dan komisif. Dapatan analisis memperlihatkan daya ilokusi ditandai oleh penggunaan kata kerja modalitas (KKM) - mesti, boleh, akan; kata kerja aspek (KKA) - akan, kata kerja (KK) - harap (berharap), bersiap dan melonggarkan; dan kata larangan (KL) - jangan. Tuntasnya, penggunaan ilokusi ini membuktikan bahawa LHL telah mempraktikkan tadbir urus baik, iaitu kerajaan yang mempunyai ketelusan, kecekapan dan kebertanggungjawaban terhadap penduduk Singapura yang telah memilihnya sebagai pemerintah.


Seterusnya, Sara Beden (2023) telah meneroka lakuan bahasa Bach & Harnish (1979) dalam teks Manifesto Parti Sarawak Bersatu (PSB) dalam PRN12 yang merupakan sebuah parti pembangkang. Kajian bertujuan untuk mengkategorikan dan menganalisis LI dalam teks manifesto bagi memperlihatkan fungsinya dalam konteks pilihan raya. Dapatan menunjukkan bahawa teks manifesto mengandungi LB2 (perjanjian) dan LB3 (pengumuman) yang signifikan bagi meraih sokongan dan memenangi hati rakyat Sarawak dalam pilihan raya



negeri ke-12. Impaknya, penggunaan LI bersimbiosis dengan tujuan manifesto PSB yang bermoto, “Matahari Terbit Sarawak” dan “Sarawak Tanah Air Kita” agar berupaya memenangi pilihan raya tersebut. LB perjanjian dan pengumuman memainkan peranan penting dalam mencerminkan hasrat, komitmen, harapan dan corak pemikiran parti politik agar berupaya mempengaruhi fikiran rakyat. Kajian ini juga mendapati bahawa unsur linguistik mengupayakan manifesto yang digubal agar mampu memanifestasikan tindakan sesebuah parti politik untuk bertanding.

Terkini, kajian oleh Khairunnisa Ahmad & Lalu Nurul Yaqin (2025) yang mengkaji ucapan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan semasa majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) dari tahun 2019 hingga 2023. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan analisis kandungan teks titah berpandukan teori tindak tutur yang diperkenalkan oleh Searle (1969). Hasil kajian mendapati bentuk tindak tutur asertif, direktif dan ekspresif, digunakan dalam titah baginda. Bentuk tindak tutur ekspresif lebih banyak digunakan dalam titah untuk menyampaikan mesej dan memberikan penekanan terhadap hal-hal berkaitan dengan teknologi, kecerdasan buatan, keusahawanan, ekonomi, pembangunan dan pertumbuhan sumber tenaga manusia. Implikasi kajian ini memanifestasikan bahawa penafsiran yang tepat dalam titah penting agar mesej, pesan dan maksud yang hendak disampaikan dapat difahami oleh pendengar, iaitu para graduan UBD.

Sorotan kajian yang dibincangkan memperlihatkan penggunaan korpus teks ucapan, titah, perutusan dan kenyataan ahli politik atau pemimpin dalam pelbagai peristiwa bahasa. Ucapan atau amanat oleh ahli politik lazimnya memperlihatkan fungsi bahasa yang ditandai oleh daya ilokusi yang jelas, iaitu bersesuaian dengan objektif dan fungsi komunikatif sebagai penyalur agenda penting negara dalam pelbagai situasi. Walaupun memperlihatkan kepelbagaian namun tujuan dan hasratnya sama, iaitu untuk mencapai objektif komunikasi, menyampaikan mesej dan amanat agar sampai kepada pendengar melalui pelbagai ilokusi bahasa yang digunakan oleh penutur. Perbincangan dalam sorotan kajian yang dijalankan oleh Dylgjeri (2017), Maisarah dan Fatin Fatinah (2022), dan Khairunnisa dan Lalu Nurul (2025) memperlihatkan penggunaan kerangka teori dan bentuk wacana (teks ucapan) yang sama dengan kajian yang sedang berlangsung sekarang. Walau bagaimanapun, data korpus yang digunakan adalah berbeza walaupun bentuk wacananya sama. Setakat ini amat terhad kajian LI menggunakan data korpus teks ucapan dalam ranah pendidikan yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia sedangkan bidang pendidikan merupakan agenda penting negara untuk melahirkan modal insan yang akan menerajui negara pada masa depan. Ucapan ini wajar disampaikan secara jelas kepada sasaran agar objektif dan matlamat tercapai. Justeru, wujud kelompangan yang wajar diisi. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh et al., (2021) menyarankan agar kelompangan dan kekosongan bentuk data yang belum difokuskan dan dipilih oleh pengkaji lepas boleh dipertimbangkan oleh pengkaji akan datang untuk melaksanakannya. Oleh itu, kajian ini mengisi kelompangan tersebut dengan menggunakan kerangka Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969) berdasarkan data korpus teks ucapan Menteri Pendidikan Malaysia sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan kali ke -54 pada 16 Mei 2025.




## PERMASALAHAN KAJIAN

Lakuan bahasa merupakan tindakan sosial yang menentukan keberhasilan komunikasi yang sewajarnya disampaikan menerusi medium yang sesuai, lakuan bahasa yang jelas dan mudah difahami agar kandungan mesej dapat disampaikan. Penggunaan lakuan bahasa dalam teks ucapan amat signifikan kerana teks ucapan merupakan suatu medium yang memperlihatkan pengaruh yang besar untuk menyampaikan maklumat seperti amanat, titah, mesej, kenyataan dan agenda. Walau bagaimanapun, kepelbagaian maklumat dan variasi ilokusi bahasa dalam teks ucapan sukar untuk dikenal pasti, seterusnya mengakibatkan pendengar tidak memahami maklumat yang disampaikan. Perkara ini bertepatan dengan penegasan Aminuddin Saimon et al., (2021) bahawa kerencaman lakuan bahasa dalam teks ucapan dilihat begitu sukar untuk dikenal pasti dan dikategori berdasarkan peranannya dalam menyampaikan maklumat dan tujuan komunikasi sehingga mengakibatkan pendengar tidak memahami maklumat yang diterima. Bertitik tolak daripada isu tersebut, timbul masalah untuk memahami hajat komunikatif penutur berdasarkan kerencaman bahasa yang terdapat dalam teks ucapan. Impaknya, hasrat dan objektif komunikasi akan tergendala. Pemilihan istilah yang relevan, sesuai dan tepat dalam lakuan bahasa amat penting bagi memudahkan penyampaian dan penerimaan makna sebenar objektif komunikasi sebagaimana yang ditegaskan oleh Cerny (2007) bahawa pemilihan leksikal, ayat pendek dan pemilihan istilah dalam sesuatu lakuan bahasa menjadikan maklumat lebih jelas. Bertitik tolak tentang kepentingan kejelasan penggunaan LI, maka bidang pendidikan yang merupakan bidang yang beragam dan kritikal akibat pelbagai isu mahupun cabaran semasa, menuntut penggunaan LI yang sesuai dan tepat agar tidak menimbulkan kekeliruan pada khalayaknya, iaitu warga pendidikan. Chaer dan Agustina (2010) menjelaskan bahawa tindak tutur ilokusi adalah tindak tutur yang biasanya diidentifikasi dengan kalimat performatif yang eksplisit atau konkrit. Penggunaannya, mengupayakan penyampaian maklumat yang berkesan sama ada dalam komunikasi bertulis mahupun komunikasi lisan dalam pelbagai jenis wacana kepada penerima untuk melaksanakan tindakannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan memperjelas penggunaan LI oleh Menteri Pendidikan Malaysia sebagai pemimpin akademik sempena sambutan Hari guru 2025 agar amanat, mesej dan aspirasi negara berupaya dicakna dan dilunasi oleh warga pendidikan. Tambahan pula, Abd Ganing Leangkang et al., (2019) menyarankan agar sarjana di Malaysia menjadikan pemimpin negara sebagai bahan kajian untuk melihat sikap dan tindak balas pemimpin ketika berucap atau menulis.

## OBJEKTIF KAJIAN


Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu;

1. Mengkategorikan Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969).
2. Menganalisis lakuan ilokusi tersebut dalam teks ucapan YBFS, iaitu Menteri Pendidikan Malaysia sempena sambutan Hari Guru bagi tahun 2025.



## METOD KAJIAN


Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus kepada analisis kandungan teks dan mengaplikasi metode deskriptif kualitatif. Kaedah analisis kualitatif dalam kajian ini dipaparkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1**

*Carta Alir Analisis Kualitatif*

Fasa 1 ialah langkah memuat turun teks ucapan Menteri Pendidikan sempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan pada 16 Mei 2025 dari laman web KPM. Fasa 2 adalah langkah memahami ciri-ciri dan struktur data termasuk kandungannya yang mengandungi 13 perkara. Teks ini juga memuatkan bahagian pendahuluan dan penutup. Teks ucapan YBFS mengandungi 13 perkara yang dijadikan sebagai data korpus kajian. Tiga belas (13) perkara ini tidak mewakili satu ayat kerana dalam setiap perkara (teks ucapan) melebihi jumlah satu ayat. Bahagian pendahuluan yang mengandungi maklumat untuk menyantuni khalayak pendidik dan penutup (ucapan salam) tidak termasuk sebagai data kajian. Fasa 3 pula melakukan “memoing” (mencatat interpretasi data pada peringkat awal sebelum analisis selanjutnya) dengan beberapa data bagi memastikan kesepadanan data dengan landasan kajian. Seterusnya, fasa 4 merupakan proses pengkodan data bagi memudahkan pengenalpastian data analisis. Data dikod sebagai P1TUMP25 yang dibaca sebagai P1 merujuk kepada bilangan perkara dalam teks ucapan manakala TUMP merujuk kepada Teks Ucapan Menteri Pendidikan dan 25 merujuk kepada tahun 2025. Seterusnya, P13TUMP25 merujuk kepada perkara ke-13 dalam teks ucapan. Dalam fasa 5, data-data menjalani proses pengkategorian dengan menggunakan LI bahasa Searle (1969). Pengkategorian setiap LI diteliti berdasarkan kosa kata, frasa dan ayat yang mengandungi kata kerja mahupun pernyataan bagi menzahirkan ilokusi pertuturan. Searle (1969) menegaskan bahawa kata kerja yang digunakan dalam pemerian memudahkan gambaran sebagai benda yang ada rujukannya yang saling eksklusif. Walau bagaimanapun, sesetengah data tidak semestinya menggunakan kata kerja sebagai penanda ilokusi kerana pemilihan istilah, ayat yang tepat, mudah difahami dan jelas turut menandakan ilokusi (Aminudin Saimon, et al., 2021) dan aspek lain dalam makna konteks



ujaran (Indirawati Zahid, 2022). Konteks dikaitkan dengan ciri-ciri alam di luar bahasa atau dunia luar yang memberikan makna pada teks atau wacana (Abd Ganing Laengkang et al., (2019). Fasa 6 merupakan fasa terakhir, iaitu proses menganalisis 13 perkara atau data korpus, sekali gus menginterpretasi tujuan atau hasrat komunikatif dalam setiap perkara. Oleh sebab setiap satu perkara yang dianalisis mempunyai lebih daripada satu ayat maka kebarangkalian untuk satu perkara yang dianalisis mempunyai lebih daripada satu LI akan wujud.


### Teori Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969)

Teori Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969) merupakan kerangka yang meneroka kaedah dan cara bahasa digunakan dalam menyampaikan maklumat dan memanifestasikan kehendak untuk melakukan pelbagai jenis tindakan. Secara ringkasnya, teori ini memperkasakan bidang pragmatik kerana proses penyelidikan bukan hanya dengan menganalisis ayat, namun perkara yang lebih signifikan berfokus kepada usaha memahami aspek fungsi penggunaan bahasa dalam konteks yang direpresentasi LI. Menurut J. R Searle (1969), ungkapan sesuatu bahasa dapat difahami dengan lebih baik apabila dikaitkan dengan situasi konteks terjadinya ungkapan tersebut. Searle (1969) mengkategorikan lakuan bahasa kepada lima iaitu penegasan, arahan, komisif, ekspresif dan pengisytiharan. Kategori LI dalam Searle ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1**  
*Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969)*

Bil.	Lakuan bahasa	Huraian Fitur Ilokusi
1	Asertif	Lakuan pertuturan yang melibatkan penegasan dalam menyampaikan maklumat atau menyatakan kepercayaan. Penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran proposisi yang diungkapkannya dan lakuan ini ditandai ilokusi menyatakan, mengusulkan, mengadu, mendakwa, mengeluh, mengemukakan pendapat dan melaporkan sesuatu.
2	Direktif	Lakuan pertuturan yang berupa arahan untuk menghasilkan kesan dan bertujuan untuk mengajak agar pendengar berusaha melakukan sesuatu. Penggunaan lakuan ini ditandai ilokusi permintaan, arahan, cadangan, nasihat, memerintah dan menyuruh.
3	Komisif	Lakuan pertuturan yang menuntut pendengar untuk mengambil tindakan dan memberikan komitmen untuk melakukan sesuatu pada masa depan. Penggunaan lakuan ini ditandai ilokusi berjanji, bersumpah, menawarkan dan menolak.
4	Ekspresif	Lakuan pertuturan untuk mengungkap atau menyerlahkan sikap psikologi penutur terhadap sesuatu keadaan yang diperlihatkan menerusi ilokusi penutur secara tersirat. Penggunaan lakuan ini ditandai ilokusi mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah, mengampunkan, memuji, mengucapkan takziah, memberi maaf, mengecam dan menuduh.
5	Deklaratif	Lakuan pertuturan yang melibatkan lakuan institusi (sosial, agama dan undang-undang) oleh seseorang yang ditauliahkan, bukan peribadi yang mengakibatkan kesejajaran antara proposisi dan realiti. Penggunaan lakuan ini ditandai ilokusi menjatuhkan hukuman, memecat, menyingkirkan, memberi gelaran, mengisytihar dan mengundur diri.

Ringkasnya, Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969) sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana setiap kategori LI dinyatakan dengan jelas fitur kehendaknya yang membolehkan pengkategorian dibuat dengan lebih tepat terhadap 13 data korpus dalam teks ucapan YBFS dan tidak berasaskan andaian ataupun *approximates* (Harshita Aini Haroon, et al., (2020) semata-mata.



## DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan pengkategorian terhadap 13 perkara dalam teks ucapan Menteri Pendidikan Malaysia berdasarkan Lakuan Ilokusi Bahasa Searle (1969), dapattannya dirumuskan dalam Jadual 2.

**Jadual 2**  
*Pengkategorian Lakuan Ilokusi Searle (1969)*

Bil.	Kategori Lakuan Ilokusi	Kod Perkara
1	<i>Asertif/Penegasan</i>	P2TUMP25, P7TUMP25, P9TUMP25, P11TUMP25, P12TUMP25 & P13TUMP25
2	<i>Direktif/Arahan</i>	P6TUMP25, P8TUMP25, P9TUMP25, P10TUMP25, P11TUMP25 & P12TUMP25
3	<i>Komisif/Amanat</i>	P4TUMP25 & P5TUMP25
4	<i>Ekspresif/Ungkapan</i>	P1TUMP25, P3TUMP25 & P9TUMP25
5	<i>Deklaratif/Perisytiharan</i>	P13TUMP25

Berdasarkan dapatan dalam Jadual 2, didapati kelima-lima kategori LI Searle ditemukan dalam teks ucapan Menteri Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, didapati LI direktif dan asertif lebih signifikan penggunaannya dalam teks ucapan YBFS. Penggunaan LI direktif amat bersesuaian dengan pengucap yang merupakan pemimpin tertinggi dalam bidang akademik yang memberikan arahan kepada golongan pendidik menerusi cadangan dan permintaan (direktif) demi kecemerlangan sistem pendidikan negara. Dapatan ini selari dengan pernyataan Indirawati Zahid & Muhammad Nasri Selamat (2022) bahawa LI direktif merupakan daya ilokusi yang memberi dan menimbulkan kesan arahan kepada pendengarnya. Dalam konteks kajian ini, pendengar merujuk kepada warga pendidikan di seluruh Malaysia. LI direktif terdapat dalam P6TUMP25, P8TUMP25, P9TUMP25, P10TUMP25, P11TUMP25 & P12TUMP25.

Sementara LI asertif juga memperlihatkan penggunaan yang signifikan atas faktor sebagai menteri wajar membuat penegasan (asertif) menerusi ilokusi mengemukakan pendapat, melaporkan dan mengusulkan sesuatu perkara yang berkaitan pendidikan sempena Hari Guru 2025. LI asertif terdapat dalam P2TUMP25, P7TUMP25, P9TUMP25, P11TUMP25, P12TUMP25 dan P13TUMP25. Selanjutnya, LI ekspresif atau ungkapan sikap penutur terdapat dalam P1TUMP25, P3TUMP25 & P9TUMP25 melalui ilokusi mengucapkan terima kasih dan memuji sebagai tanda penghargaan kepada para pendidik. LI komisif atau amanat terdapat dalam P4TUMP25 & P5TUMP25 yang sesuai disampaikan dalam wacana teks ucapan agar amanat diketahui semua pihak berkepentingan. LI deklaratif pula terdapat dalam P13TUMP25, iaitu dalam satu perkara kerana YBFS bukan bertujuan untuk membuat perisytiharan (menjatuhkan hukuman, memecat, menyingkirkan) semasa Hari Guru 2025 sebaliknya lebih kepada penyampaian agenda, harapan, aspirasi dan hasrat KPM kepada semua pendidik. Dapatan juga menunjukkan bahawa dalam satu perkara tidak semestinya hanya wujud satu LI (dinyatakan dalam metodologi), namun lebih daripada satu sebagaimana dalam P9TUMP25 terdapat dalam tiga kategori (LI Asertif, LI Direktif & LI Ekspresif) manakala P12TUMP25 terdapat dalam dua kategori LI (LIAsertif & LI Direktif) dan P13TUMP25 wujud dalam dua kategori LI (LI Asertif & LI deklaratif). Dapatan turut menunjukkan penggunaan kata kerja dan kata bantu yang signifikan oleh YBFS bagi memperjelas lakuan bahasa agar warga pendidikan mengambil tindakan bagi mewujudkan perubahan, bukan hanya untuk menyampaikan amanat semata-mata. Tindakan ini selaras



dengan penegasan Jacob (2001) bahawa lakuan bahasa merupakan satu lakuan pragmatik yang menyebabkan sesuatu perkara berubah setelah berlakunya pengujaran sesuatu lakuan bahasa.

### Kategori Lakuan Ilokusi Direktif

LI direktif ditandai ilokusi permintaan dan cadangan bagi mencapai objektif komunikasi. Lakuan ilokusi direktif disampaikan oleh YBFS dalam TUMP menggunakan fitur ilokusi permintaan, cadangan/mencadang dan nasihat sebagaimana dalam Jadual 3.

**Jadual 3**  
*Kategori LI Direktif*

Ilokusi Direktif	Kod Perkara	Fitur ilokusi
Teks Ucapan Menteri Pendidikan	P6TUMP25	Permintaan
	P9TUMP25	(kata kerja aktif transitif)
	P10TUMP25	Permintaan
	P11TUMP25	(kata kerja aktif transitif dan kata kerja tak transitif berpelengkap)
	P12TUMP25	
	P8TUMP25	Mencadang (kata bantu ragam hendaklah + kata kerja)

Jadual 3 menunjukkan kategori ilokusi direktif yang terdiri daripada permintaan dan cadangan dalam data P6, P9, P10, P11, P12 dan P8.

### *Ilokusi Permintaan*

Ilokusi permintaan ditandai fitur kata kerja aktif transitif (mengajak dan memujuk), sebagaimana dalam P6 TUMP25 dan P9 TUMP25 teks ucapan tersebut.

P6: (i) Justeru, saya **mengajak** murid-murid untuk memberikan ruang dan peluang kepada guru-guru untuk menunaikan ikrar dan janji mereka kepada murid-murid.

P6: (ii) Untuk itu, saya **memujuk** murid-murid untuk hadir ke sekolah, hormat dan taati guru sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran.

P9: Sehubungan dengan ini, sekali lagi saya **memujuk** murid-murid untuk rajin-rajin hadir ke sekolah dan rajin-rajin belajar dengan guru.

Data P6 (i) *saya mengajak* dan P6 (ii) *saya memujuk* dan P9 *saya memujuk* memperlihatkan ilokusi permintaan secara langsung (menerusi kata ganti nama saya) daripada YBFS kepada warga pendidikan, iaitu para murid yang merupakan entiti dan modal insan negara yang memerlukan ilmu untuk mengembangkan potensi mereka. Kedua-dua kata kerja tersebut tergolong sebagai kata kerja aktif transitif yang memerlukan objek sebagai penyambut, iaitu “murid-murid” sebagai penyambut dalam ketiga-tiga ayat. Ilokusi mengajak bermaksud meminta berbuat sesuatu atau melakukan sesuatu (Kamus Dewan Perdana, 2021) daripada murid-murid dengan memberikan ruang dan peluang kepada guru-guru untuk menunaikan ikrar dan janji, rajin hadir ke sekolah, menghormati dan taat kepada guru dan rajin belajar dengan guru. Ilokusi permintaan, iaitu mengajak dan memujuk merupakan kata kerja transitif yang sinonim maksudnya dengan mengajak, iaitu merayu dengan kata-kata yang lembut (Kamus Dewan Perdana, 2021) bagi tujuan mengajak. Kedua-dua fitur ilokusi permintaan ini memmanifestasikan kaedah yang halus atau berlapik untuk mengekspresikan ilokusi direktif atau arahan agar sampai dan diterima oleh murid-murid, seterusnya mengambil tindakan terhadap perkara yang disebut oleh pengucap, selaku Menteri Pendidikan Malaysia.




Ilokusi permintaan juga terdapat dalam data P10TUMP25, P11 TUMP25 dan P12 TUMP25 yang ditandai fitur permintaan menerusi kata kerja, iaitu “mengharapkan” dan “berharap”.

- P10: (i) Saya juga **mengharapkan** guru-guru untuk menyambut seruan reformasi dalam pendidikan yang telah dinukilkan dalam tema Sambutan Hari Guru Tahun 2025 dengan minda yang terbuka.
- P10: (ii) Saya **mengharapkan** kreativiti dan inovasi yang berupaya menjana pemikiran baharu seperti menghargai proses pemeribadian dalam pembelajaran (personalization learning) murid-murid terlaksana di sekolah atau bilik darjah.
- P11: (i) Justeru, saya **mengharapkan** guru-guru dapat menghayati konsep pendidikan manusiawi dan pembinaan karakter yang menjadi elemen penting untuk kehidupan era digital.
- P11: (ii) Pada masa yang sama, saya **mengharapkan** guru-guru mendepani cabaran baharu dalam dunia pendidikan dengan membawa nilai kasih sayang atau cinta dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- P12: Oleh itu, saya **berharap** kekuatan potensi guru-guru dan semangat daripada tema, iaitu Guru Pemacu Reformasi Pendidikan, Kementerian Pendidikan berjaya dilaksanakan.

Data dalam P10 (i dan ii) dan P11 (i dan ii) menunjukkan penggunaan kata kerja aktif transitif, iaitu *mengharapkan* yang bermaksud berharap akan, menginginkan, menjangkakan mendapat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) digunakan oleh YBFS sebagai ilokusi permintaan bagi mengekspresikan ilokusi direktif Searle (1969). Kata kerja aktif transitif memerlukan objek sebagai penyambut, iaitu “guru-guru” dalam P10 (i), P11 (i) dan (ii) manakala P10 (ii) objeknya ialah “kreativiti dan inovasi”. Ilokusi yang digunakan amat jelas untuk mengekspresikan permintaan kepada warga pendidik agar menyambut seruan reformasi pendidikan dalam data korpus P10 (i), *mengharapkan* guru memiliki kreativiti dan inovasi yang berupaya menjana pemikiran baharu dalam data P10 (ii), guru-guru dapat menghayati konsep pendidikan manusiawi dan pembinaan karakter dalam data P11 (i) dan guru-guru mendepani cabaran baharu dalam dunia pendidikan dengan membawa nilai kasih sayang atau cinta. Ilokusi ini mudah dicakna oleh para guru bagi memenuhi permintaan YBFS yang menjangkakan mendapat tindakan daripada semua pendidik demi kecemerlangan sistem pendidikan negara. Sementara P12 memperlihatkan penggunaan kata kerja tak transitif (*berharap*) berpelengkap, iaitu kekuatan potensi sebagai pelengkap, dengan maksud berhasrat untuk mendapatkan sesuatu agar terjadi (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) yang mengimplikasikan hasrat untuk meminta sesuatu daripada warga pendidik. Kata kerja “berharap” mencerminkan keadaan mental positif seseorang yang menginginkan sesuatu terjadi pada masa depan. Penggunaan ilokusi permintaan memberikan keyakinan kepada YBFS agar hasratnya tercapai dan berjaya dilaksanakan oleh para guru melalui potensi dan semangat daripada tema hari guru, iaitu Guru Pemacu Reformasi Pendidikan. Ilokusi tersebut amat jelas dalam menyampaikan permintaannya bagi mengelakkan kekeliruan.

Ringkasnya, ilokusi direktif menerusi penggunaan fitur ilokusi permintaan mengimplikasikan arahan berdasarkan hasrat dan amanat YBFS agar warga pendidikan menyambut baik, melaksana dan mengambil tindakan terhadap perkara yang disampaikan. Permintaan disampaikan secara langsung menerusi penggunaan kata ganti nama “saya” yang merujuk kepada pengucap sendiri. Penggunaan kata kerja dalam menyampaikan arahan tersebut amat



jelas bagi memanifestasikan objektif komunikasi dan berupaya mengelakkan salah faham. Searle (1969) menyatakan bahawa ungkapan yang diujarkan oleh penutur adalah bagi melambangkan sesuatu tindakan sama ada menasihati, mengesyorkan, membenarkan, menyatakan niat dan tindakan-tindakan lain. Impaknya, tindakan tersebut bukan sahaja menggambarkan suatu ujaran, namun berupaya mewujudkan hubungan saling memahami (pemimpin dan warga pendidikan) dan bertindak melalui lakuan pertuturan.


### ***Ilokusi Cadangan***

Ilokusi cadangan atau mencadang ditandai kata bantu ragam (hendak) yang disertai partikel *-lah* + kata kerja (direformasi dan mereformasikan) dalam data P8TUMP25.

P8: (i) Oleh itu, metodologi pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau dalam bilik darjah ***hendaklah direformasi*** supaya selari dengan perubahan zaman.

P8: (ii) Oleh yang demikian, guru-guru juga ***hendaklah mereformasikan*** amalan pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kedua-dua data menggunakan kata bantu ragam “hendak” + partikel *-lah*. Kata bantu hendak bermaksud tidak boleh tidak, mesti dan harus (Kamus Dewan Perdana, 2021). Data dalam P8 (i) ***hendaklah direformasi*** menunjukkan penggunaan kata bantu ragam (hendaklah) + kata kerja pasif berawalan di- (direformasi) bagi mengekspresikan ilokusi cadangan oleh YBFS agar metodologi pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau dalam bilik darjah diperbaharui bagi memenuhi tuntutan perubahan zaman. Kata kerja pasif berawalan di- merupakan awalan yang digabungkan dengan kata dasar untuk membentuk kata kerja pasif (Tatabahasa Dewan, 2010) bagi memanifestasikan cadangan dan tindakan. Sementara P8 (ii) ***hendaklah mereformasikan*** menunjukkan penggunaan kata bantu ragam (hendaklah) + kata kerja aktif transitif untuk mencerminkan ilokusi cadangan agar guru-guru membuat pembaharuan dan amalan pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajaran diubah suai oleh pihak yang berkaitan. Data dalam P8 (i dan ii) memperlihatkan penggunaan ilokusi yang jelas bagi mengekspresikan LI direktif menerusi fitur cadangan yang ditandai kata bantu ragam “hendaklah” bagi mencapai objektif komunikasi, iaitu pihak berkenaan memperbaharu metodologi dan pedagogi. Cadangan daripada YBFS dilunakkan oleh partikel *-lah* dan penggunaan partikel *-lah* dalam kedua-dua data bukan sewenang-wenangnya, namun mengimpakkan kesantunan dan kelembutan sebuah permintaan sebagaimana penegasan Nor Azian Abdul Aziz (2005: 59), bahawa partikel *-lah* mampu melembutkan sesuatu ujaran dan dapat membuat pendengar berasa senang. Cadangan yang dilunakkan oleh partikel *-lah* berupaya melenturkan arahan dan mencitrakan kebijaksanaan pemimpin agar dapat diterima oleh pendengar dan bermotivasi untuk melaksanakannya. Jaafar Muhammad (1995) menegaskan bahawa pemimpin yang berkesan ialah pemimpin yang mempunyai sifat kebijaksanaan yang menerbitkan akal budi yang jernih dan luhur dan memiliki keabsahan untuk menerajui legitimasi politik agar dikagumi rakyat.



## Kategori Lakuan Ilokusi Asertif

Lakuan Ilokusi Asertif dalam teks ucapan tersebut dipapar dalam Jadual 4.

**Jadual 4**  
*Kategori LI Asertif*

Ilokusi Asertif	Kod Perkara	Fitur ilokusi
Teks Ucapan Menteri Pendidikan	P2TUMP25	Mengemukakan pendapat (kata bantu aspek + kata kerja)
	P7TUMP25	Melaporkan (kata bantu aspek + kata kerja)
	P9TUMP25	Melaporkan (kata bantu aspek + kata kerja)
	P11TUMP25	Mengusulkan (kata bantu ragam + kata kerja)
	P12TUMP25	Mengusulkan (kata bantu ragam + kata kerja)
	P13TUMP25	Mengusulkan (kata sendi nama + kata kerja)


Jadual 4 menunjukkan data kategori ilokusi asertif yang terdiri daripada fitur mengemukakan pendapat, melaporkan dan mengusulkan dalam data P2, P7, P9, P11, P12 dan P13.

### *Ilokusi Mengemukakan Pendapat*

Ilokusi mengemukakan pendapat ditandai fitur kata bantu aspek + kata kerja sebagaimana dalam data P2TUMP teks ucapan tersebut.

- P2: (i) Sambutan Hari Guru **akan melukiskan** kenangan indah dengan penuh warna-warni keceriaan dan kegembiraan.
- P2 (ii) Saya pasti sambutan ini **akan menjadi** kenangan indah yang dapat menggambarkan betapa erat dan rapatnya hubungan antara guru dan murid serta seluruh warga sekolah.
- P2 (iii) Oleh itu, saya pasti tiada seorang pun warga sekolah **akan melepaskan** kenangan indah yang tercatat dalam Sambutan Hari Guru hari ini.

Berdasarkan data P2 memperlihatkan ilokusi mengemukakan pendapat yang dimanifestasikan oleh kata bantu aspek, iaitu “akan” dalam ketiga-tiga perkara dan disusuli kata kerja. Dalam P2 (i) YBFS mengekspresikan ilokusi ini menerusi penggunaan kata bantu aspek (akan) + kata kerja aktif transitif (melukiskan) yang disambut oleh objek “kenangan” dalam mengemukakan pendapatnya bahawa sambutan Hari Guru 2025 memberikan kenangan indah dengan penuh warna-warni keceriaan dan kegembiraan kepada warga pendidikan. Kata kerja “melukiskan” bermaksud menampakkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) kenangan indah dalam sambutan tersebut yang jelas dan mudah difahami. Sementara dalam P2 (ii) pula YBFS mengemukakan pendapat menggunakan kata bantu aspek (akan) + kata kerja tak transitif berpelengkap (menjadi) yang bersinonim dengan berhasil atau berjaya yang dilengkapi pelengkapnya “kenangan” yang digunakan YBFS untuk memberikan pendapat bahawa sambutan Hari Guru 2025 akan menjadi (berhasil) kenangan indah yang menggambarkan betapa erat hubungan antara guru dan murid serta seluruh warga sekolah. Pendapat yang dikemukakan boleh menjadi kenyataan atau sebaliknya (hasil tindakan). P2 (iii) pula menggunakan kata bantu aspek (akan) + kata kerja aktif transitif (melepaskan) yang bermaksud membiarkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) yang disambut objek “kenangan” dalam memberikan pendapat bahawa pasti tiada seorang pun warga sekolah yang



membiarkan kenangan indah yang tercatat dalam Sambutan Hari Guru (2025) tersebut. Penegasan dalam ilokusi ini memperlihatkan keyakinan dan kepercayaan terhadap pendapatnya yang dizahirkan menerusi frasa “Saya pasti” dalam P2 (ii) dan (iii).


### ***Ilokusi Melaporkan***

Ilokusi bagi fitur melaporkan ditandai kata bantu aspek + kata kerja sebagaimana dalam data P7TUMP25 dan P9TUMP25 berdasarkan teks ucapan tersebut.

- P7: (i) Dunia ***sudah berubah*** dengan pantas. Perubahan ini dipacu oleh kemajuan sains dan teknologi seperti teknologi sistem pengaturcaraan, robotik dan kecerdasan buatan (AI).
- P7: (ii) Kemajuan ***telah memberikan*** kesan yang besar dalam pelbagai bidang kehidupan, termasuk pendidikan.
- P9: (i) Atas keinsafan cabaran baharu yang ada, Kementerian Pendidikan ***telah menetapkan*** tema Sambutan Hari Guru Kali Ke-54 Tahun 2025, iaitu Guru Pemacu Reformasi Pendidikan.
- P9: (ii) Tema ini ***telah mengadunkan*** antara nyala rasa guru seperti yang tergambar pada ikrar dan janji dalam lagu *Kami Guru Malaysia* dan roh bagi pembaharuan atau islah dalam dunia pendidikan negara.

Data dalam P7 (i), (ii) dan P9 (i) dan (ii) ditandai kata bantu aspek (sudah dan telah) + kata kerja bagi menyampaikan fitur ilokusi melaporkan. Kata bantu aspek “sudah” bersinonim maksudnya dengan kata bantu aspek “telah” (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) yang mengekspresikan perkara yang sudah berlaku atau perkara yang sudah diambil tindakan. Dalam P7 (i), YBFS melaporkan bahawa dunia sudah berubah dengan pantas yang disampaikan dengan menggunakan kata bantu aspek (sudah) + kata kerja aktif tak transitif tanpa pelengkap, iaitu kata kerja yang boleh berdiri tanpa objek atau penyambut, namun boleh diikuti keterangan yang memberi maklumat tambahan (Tatabahasa Dewan, 2013). Data P7 (i) memperlihatkan penggunaan keterangan, iaitu “dengan pantas” selepas kata kerja “berubah” bagi menerangkan laporan agar lebih lengkap. Ayat seterusnya, “Perubahan ini dipacu oleh kemajuan sains dan teknologi seperti teknologi sistem pengaturcaraan, robotik dan kecerdasan buatan (AI), yang mengukuhkan lagi keterangan tentang perubahan tersebut agar laporan mudah difahami dan bersifat informatif. Sementara data P7 (ii), P9 (i) dan (ii) menunjukkan penggunaan fitur ilokusi melaporkan yang seragam, iaitu kata bantu aspek + kata kerja aktif transitif. Data P7 (ii) YBFS melaporkan bahawa kemajuan teknologi telah memberikan kesan yang besar kepada pelbagai bidang menerusi penggunaan kata bantu aspek (telah) + kata kerja aktif transitif (memberikan) yang disambut oleh objek (kesan) bagi melengkapkan laporan bahawa kemajuan teknologi sememangnya telah memberikan kesannya dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan. Data P9 (i) pula menggunakan kata bantu aspek (telah) + kata kerja aktif transitif (menetapkan) yang disambut objek “tema” bagi melaporkan bahawa KPM telah menentukan tema Sambutan Hari Guru Kali Ke-54 Tahun 2025, iaitu Guru Pemacu Reformasi Pendidikan. Data P9 (ii) juga menggunakan kata bantu aspek (telah) + kata kerja aktif transitif (mengadunkan) yang disambut objek (nyala rasa guru) bagi melaporkan bahawa tema yang ditetapkan oleh KPM telah menggabungkan nyala rasa guru seperti ikrar, janji dan roh dalam lagu *Guru Malaysia* agar laporan tersebut mudah dicakna, difahami dan dihayati warga pendidik.

Ilokusi asertif melaporkan dalam data-data tersebut turut menunjukkan penegasan dalam memberikan fakta tentang peristiwa dan situasi semasa yang telah berlaku dalam dunia pendidikan agar berupaya meningkatkan keprihatinan dan kepekaan para pendidik tentang amanah mereka.




### **Ilokusi Mengusulkan**

Ilokusi bagi fitur mengusulkan ditandai kata bantu ragam + kata kerja sebagaimana dalam data P11TUMP, P12TUMP dan P13TUMP25 berdasarkan teks ucapan tersebut. Ketiga-tiga data P11, P12 dan P13 dikategorikan dalam ilokusi asertif mengusulkan kerana berkaitan dengan fitur asertif, iaitu lakuan pertuturan yang melibatkan penegasan dalam menyampaikan maklumat atau menyatakan kepercayaan.

- P11: Saya menyimpan keyakinan bahawa guru-guru **dapat membantu** bagi membina Malaysia MADANI pada masa hadapan.
- P12: Saya percaya para guru **mampu memastikan** Enam Reformasi Pendidikan, iaitu Intervensi kurikulum, Pendidikan STEM, Pemeraksanaan Pendidikan Digital, Memartabat Bahasa Melayu, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), Pendidikan TVET dan Pendidikan Prasekolah berjaya dilaksanakan.
- P13: Kementerian Pendidikan mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada guru-guru **untuk menyelesaikan** lapan perkara yang menjadi isu dan mesti ditangani (non-negotiable) secara bersama-sama, iaitu Isu keciciran, Reformasi Sekolah, Isu Literasi dan Numerasi, Pentaksiran Antarabangsa, Generasi MADANI, Isu Kesejahteraan Sekolah, Peningkatan Profesionalisme Guru dan Kepimpinan Pendidikan MADANI.

Ilokusi mengusulkan dalam P11 ditandai kata bantu ragam (dapat) + kata kerja aktif tak transitif (membantu) diikuti unsur keterangan (bagi membina Malaysia MADANI pada masa depan) yang berfungsi memberikan maklumat tambahan. Ilokusi ini mengekspresikan ketegasan usulan YBFS atas kepercayaannya kepada guru-guru untuk membantu mencapai hasrat tersebut berdasarkan pernyataan sebelum ilokusi mengusulkan, iaitu “Saya menyimpan keyakinan” yang menzahirkan keyakinan dan kepercayaan terhadap kemampuan para guru dalam P11. Sementara P12, ilokusi mengusulkan ditandai kata bantu ragam (mampu) + kata kerja aktif transitif (memastikan) yang disambut objek (Enam Reformasi Pendidikan). Usulan ini juga menunjukkan penegasan kepercayaan kepada para guru menerusi pernyataan (Saya percaya para guru) yang menunjukkan keyakinan dengan kebolehan para guru sebelum ilokusi mengusulkan dalam P12. Kata kerja “memastikan” bermaksud menjadikan pasti (jadi) yang mengekspresikan penegasan dalam usulan tersebut agar para guru memastikan Enam Reformasi Pendidikan tersebut berjaya dilaksanakan. Data P13 pula ditandai kata sendi nama (untuk) + kata kerja aktif transitif (menyelesaikan) yang disambut objek (lapan perkara dan unsur keterangannya) bagi menyampaikan usulan agar diterima dengan mudah. YBFS juga mengekspresikan kepercayaan Kementerian Pendidikan (Kementerian Pendidikan mempunyai kepercayaan yang tinggi) kepada para pendidik untuk menyelesaikan atau menangani atau mengusahakan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) dalam konteks usulan ini.

Ketiga-tiga data menunjukkan penegasan dalam menyampaikan maklumat atau menyatakan kepercayaan menerusi ungkapan “Saya percaya, saya menyimpan keyakinan dan KPM mempunyai kepercayaan yang tinggi” sebagaimana gagasan LI Searle (1969). YBFS memperlihatkan penegasan dan kepercayaan terhadap keupayaan para guru untuk menangani dan melaksanakan agenda pendidikan sebagaimana yang digarisi dalam P11, P12 dan P13.



### Kategori Lakuan Ilokusi Ekspresif

Lakuan Ilokusi Ekspresif terdapat tiga data sebagaimana dalam Jadual 5.

**Jadual 5**  
*Kategori LI Ekspresif*

Ilokusi Ekspresif	Kod Perkara	Fitur ilokusi
Teks Ucapan Menteri Pendidikan	P1TUMP25	Mengucapkan terima kasih (Kata kerja transitif)
	P3TUMP25	Mengucapkan terima kasih (Kata kerja transitif)
	P9TUMP25	Memuji (Kata nama+kata hubung +kata adjektif- darjah penghabisan)

Jadual 5 menunjukkan data kategori ilokusi ekspresif yang terdiri daripada fitur mengucapkan terima kasih dan memuji dalam data P1, P3 dan P9.

P1: Saya ***mengucapkan terima kasih*** kepada semua warga pendidikan kerana diberi peluang untuk menitipkan ucapan bersempena Sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah Tahun 2025.

P3: Sehubungan dengan ini, saya dan murid-murid mengambil kesempatan untuk ***mengucapkan ucapan terima kasih*** kepada cikgu atas segala jasa dan bakti guru selama ni untuk pendidikan anak bangsa.

P9: Sesungguhnya, guru anda adalah ***guru yang terbaik*** untuk anda.

Lakuan ilokusi mengucapkan terima kasih ditandai kata kerja transitif (mengucapkan) yang diikuti objek (terima kasih) sebagai penanda untuk menyerlahkan sikap psikologi, YBFS sebagai penutur dalam data P1 dan P3. YBFS mengucapkan terima kasih kepada para guru sempena sambutan Hari Guru 2025 secara langsung menerusi penggunaan kata ganti nama orang pertama “saya” sebagai tanda penghargaan supaya para guru mengetahui bahawa sumbangan mereka amat bernilai. Ucapan ini menyirati hasrat agar para guru bertindak meneruskan usaha murni mereka. Data P9 pula menunjukkan penggunaan ilokusi memuji yang ditandai kata nama (guru) + kata hubung pancangan relatif (yang) + kata adjektif (terbaik). Kata adjektif “terbaik” merupakan kata adjektif dalam kategori ungkapan darjah penghabisan yang menggunakan awalan ter- sebagai penanda darjah penghabisan (Nik Safiah Karim et al., 2015: 245) yang digunakan oleh YBFS untuk memuji para guru agar berasa disanjung tinggi. Ilokusi memuji berupaya membangunkan kepercayaan dan memotivasikan para guru untuk berjuang dalam bidang pendidikan.

### Kategori Lakuan Ilokusi Komisif

Lakuan ilokusi komisif dalam data teks ucapan Menteri Pendidikan diperlihatkan dalam Jadual 6 berikut.

**Jadual 6**  
*Kategori LI Komisif*

Ilokusi komisif	Kod Perkara	Fitur ilokusi
Teks Ucapan Menteri Pendidikan	P4TUMP25	Berjanji (kata kerja aktif tak transitif)
	P5TUMP25	Berjanji (kata kerja aktif tak transitif)



Jadual 6 menunjukkan data kategori ilokusi komisif yang memperlihatkan fitur ilokusi berjanji dalam data P4 dan P5.

- P4: Ya, memang sungguh bahawa lagu keramat Kami Guru Malaysia menggambarkan nyala rasa guru dengan **berjanji** dalam ikrar guru-guru untuk pendidikan ini.  
P5: Guru-guru **berikrar dan berjanji** untuk bersama-sama membantu dan membina negara tercinta ini dan **berjanji** tidak akan mempersiapkan amanah pendidikan yang diberi.

Ilokusi komisif dalam P4 dan P5 ditandai kata kerja aktif tak transitif (berjanji dan berikrar) yang diikuti keterangan sebagaimana dalam P4 dan P5 bagi menunjukkan penggunaan ilokusi berjanji. Penggunaan kata kerja “berjanji” bermaksud mengakui untuk melaksanakan sesuatu yang menjadi hasrat YBFS kepada para guru. YBFS mengekspresikan hasrat untuk memastikan KPM dan para guru berjanji, menunaikan janji (amanah) dan mengambil tindakan menerusi bait-bait keramat dalam lagu “Kami Guru Malaysia”. Sara Beden (2025) menegaskan bahawa ilokusi bahasa berjanji menzahirkan hasrat, azam, niat dan tindakan mahu (kemahuan/keinginan) seorang penutur agar mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada lawan tutur supaya hasratnya dipenuhi melalui tindakan. Secara jelasnya, YBFS mahukan kesungguhan daripada para guru agar bersama-sama mengorak langkah dan mengambil tindakan serta komitmen untuk membina negara tercinta sekali gus memantafkan inisiatif mereka dalam menjalankan amanah.

### Kategori Lakuan Ilokusi Deklaratif

Lakuan pertuturan deklaratif pula paling minimum penggunaannya dan ditandai ilokusi memberi gelaran sebagaimana dalam Jadual 7.


**Jadual 7**  
*Kategori LI Deklaratif*

Ilokusi deklaratif	Kod Perkara	Fitur ilokusi
Teks Ucapan Menteri Pendidikan	P13TUMP	Memberi gelaran (Frasa nama (kata nama+kata adjektif))

Jadual 7 menunjukkan ilokusi deklaratif yang menunjukkan fitur ilokusi memberi gelaran dalam data P13.

- P13: Guru merupakan orang yang menjadi **penggerak utama** untuk memacu aktiviti dan inisiatif baharu berkaitan pendidikan sama ada untuk pengajaran dan pembelajaran murid-murid.

Ilokusi deklaratif dalam data P13 ditandai penggunaan frasa nama (penggerak utama) yang digunakan oleh YBFS untuk memberi gelaran kepada para guru. “Penggerak” terbentuk daripada kata dasar yang menerima awalan *peN-*, iaitu *peng-* yang digabung dengan “utama” (kata adjektif) yang membawa maksud paling baik. Ilokusi deklaratif (membuat pernyataan atau pengumuman rasmi) dengan memberi gelaran bahawa guru sebagai “penggerak utama” dan disampaikan oleh YBFS amat tepat dan jelas kerana pengucap merupakan seseorang yang ditauliahkan sebagai Menteri Pendidikan Malaysia, memiliki kelayakan dan gelaran yang diberikan tersebut bukan bersifat peribadi. Pengucap membuat pernyataan ini secara rasmi bukan sekadar pengumuman, namun menuntut para guru untuk bertindak sebagai peneraju




bagi memacu aktiviti dan inisiatif baharu sebagaimana yang digarisi dalam agenda reformasi pendidikan negara.

## KESIMPULAN


Analisis menunjukkan bahawa pengaplikasian kata kerja (aktif transitif dan aktif tak transitif) amat signifikan bagi memberikan kesan terhadap pengaplikasian ilokusi direktif, asertif, komisif dan ekspresif dalam teks ucapan tersebut. Kata kerja berkeupayaan memberikan impak kepada penyampaian dari segi kejelasan, menzahirkan tindakan dan ketegasan. Kata kerja transitif memperlihatkan keberkesanannya dalam menghubungkan pelaku, iaitu penutur dengan penerima kesan (objek) untuk pendengar bergerak dan bertindak. Walau bagaimanapun, kejelasan dan keberkesanan kata kerja disokong oleh penggunaan kata bantu aspek yang membantu menzahirkan perbezaan masa bagi sesuatu perbuatan/tindakan dan kata bantu ragam yang memperjelas situasi berkaitan perbuatan dalam data-data tersebut. Penggunaan Ilokusi bahasa Searle (1969) berupaya memberikan impak linguistik, semantik dan pragmatik yang menjurus kepada kelancaran, pencapaian hasrat (objektif dan matlamat), makna dan tindakan dalam komunikasi. Kajian ini memanifestasikan implikasi bahawa kajian ilokusi dalam teks ucapan berupaya mengesan tujuan sebenar ucapan bagi menyampaikan mesej kerana ucapan bukan sekadar menyampaikan makna secara literal, sebaliknya mengandungi perkara tersirat untuk dicakna dan diambil tindakan. Justeru, keberkesanan komunikasi seorang pemimpin dapat dinilai. Penggunaan ilokusi yang jelas dan mudah difahami dalam TUMP yang diekspresikan oleh YBFS menzahirkan bahawa medan fungsi teks ucapan amat signifikan untuk menyampaikan arahan, membuat penegasan, menyerlahkan psikologi penutur, menuntut komitmen dan membuat pernyataan rasmi agar matlamat agenda pendidikan negara tercapai. Tuntasnya, ucapan menjadi medium untuk golongan pemimpin mempengaruhi audiens dan membina kepercayaan serta menggerakkan tindakan agar visi dan misi negara dalam bidang pendidikan berupaya direalisasikan.

## RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron, & Razak Ab Karim. (2019). Ilokusi bahasa ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel Chedet.CC. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 127–137.
- Aminnudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad Taufek, Siti Hajar Japar, & Siti Nor Asmira Razali. (2021). Ilokusi bahasa arahan dalam teks ucapan perdana menteri berkaitan perintah kawalan pergerakan (PKP). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 63–78.
- Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. Oxford University Press.
- Bach, K., & Harnish, R. M. (1979). *Linguistics communication and speech acts*. The MIT Press.
- Cerny, M. (2007). On the function of speech acts in doctor-patient communication. *Linguistica Online*, 1–15. <http://www.phil.muni.cz/linguistica/art/cerny/cer-001.pdf>
- Chaer, A., & Agustina, L. (2010). *Sosiolinguistik*. Rineka Cita.
- Dylgjeri, A. (2017). Analysis of speech acts in political speeches. *European Journal of Social Sciences Studies*, 2(2), 19–26. <https://doi.org/10.5281/zenodo.344518>



- Hanna, N., & Richards, D. (2019). Speech act theory as an evaluation tool for human-agent communication. *Algorithms*, 12(79), 1–17. <https://doi.org/10.3390/a12040079>
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir, & Zaliza Zubir. (2020). Ilokusi ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(2), 96–114.
- Idris Aman. (2004). Bahasa dan kepimpinan: Pengkhalayakan wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Akademika*, 65, 3–25.
- Indirawati Zahid, & Muhammad Nasri Selamat. (2022). Lakuan ilokusi dalam kenyataan Perdana Menteri Singapura untuk mengekang penularan COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 77–104. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no4)
- Jaafar Muhamad. (1995). *Asas pengurusan*. Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2019). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus dewan perdana*. (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairunnisa Ahmad, & Lalu Nurul Yaqin. (2025). Analisis tindak tutur ilokusi dalam Titah KDYMM: Suatu kajian pragmatik. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 3(3), 157–180. <https://doi.org/10.36312/tdexwh32>
- Lerman, C. L. (1985). Media analysis of a presidential speech: Impersonal identity forms in discourse. In T. A. Van Dijk (Ed.), *Discourse and communication: New approaches to the analysis of mass media discourse and communication* (pp. 185–215). Walter de Gruyter.
- Maisarah Ahmad Kamil, & Fatin Fatinah Shamshul Bahrn. (2020). A speech act analysis of the prime minister's speech pertaining to the movement control order (MCO) to address the COVID-19 pandemic in Malaysia. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(4), 1–13.
- Mey, J. L. (2001). *Pragmatics: An introduction* (2nd ed.). Blackwell.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azian Abdul Aziz. (2005). *Analisis kesantunan berbahasa: Satu kajian kes* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Nura Siti Mufiah, & Muhammad Yazid Nur Rahman. (2018). Speech acts analysis of Donald Trump's speech. *Project (Professional Journal of English Education)*, 1(2), 125–132.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, Maslida Yusof, & Karim Harun. (2021). Kajian lakuan bahasa di Malaysia: Analisis terhadap trend data. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 96–110.
- Sara Beden. (2023). Lakuan bahasa Bach & Harnish (1979) dalam teks Manifesto Parti Sarawak Bersatu (PSB) dalam PRN12. *Jurnal Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei*, 44, 83–107.
- Sara Beden. (2025). Lakuan bahasa Bach & Harnish (1979) dalam cerpen komsas bertajuk "Munsi". *Jurnal Linguistik*, 29(1), 80–98.
- Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language*. Cambridge University Press.
- Searle, J. R. (1979). *Expression and meaning*. Cambridge University Press.
- Wijana, P. D. (1996). *Dasar-dasar pragmatik*. Penerbit Andi.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford University Press.



## BIOGRAFI

**Sara Beden (Dr.)** merupakan pensyarah di Jabatan Pembangunan Penyelidikan Inovasi dan menjadi tenaga pengajar di Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan. Menamatkan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah dalam jurusan Pengajian Bahasa Melayu dari Universiti Malaya (2016). Memiliki ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Kesusasteraan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2011). Sebelumnya, memiliki ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Rancangan Bahasa Melayu dari Universiti Malaya (1995). Mendapat Sijil Diploma Pendidikan dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (1996). Beliau memiliki kepakaran dalam bidang pragmatik Bahasa Melayu dan kritikan sastera Melayu moden. Beliau pernah memenangi Anugerah Hadiah Sastera Penulis Sarawak pada tahun 2019-2025 dalam bidang esei kritikan. Beliau telah menulis buku yang bertajuk *Teksdealisme dalam Tiga Novel Pilihan* (2019) dan kumpulan puisi yang bertajuk *Getar Sukma Kembara* (2020).